

- 1 Manakah yang betul tentang ilmu ekonomi?
  - A. Menggunakan sumber ekonomi yang terhad tanpa halangan.
  - B. Menyeimbangkan pelbagai kehendak dengan sumber ekonomi yang ada.
  - C. Mengagihkan sumber ekonomi yang terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad.
  - D. Memenuhi kehendak yang terhad dengan menggunakan sumber ekonomi yang tidak terhad.
  
- 2 Antara yang berikut, pilihan manakah yang tepat menggambarkan masalah kekurangan dalam ekonomi.
  - A. Kerajaan berhasrat menyediakan semua kemudahan awam dengan kutipan hasil cukai yang diperoleh untuk rakyat.
  - B. En. Husaini dapat membeli semua barang yang disukainya dengan pendapatan yang tinggi hasil daripada keuntungan perniagaannya.
  - C. Syarikat Ali Bhd mampu mengeluarkan semua barang yang diminta pengguna kerana mempunyai sumber ekonomi yang banyak.
  - D. Puan Aisyah hanya mampu membeli sepasang kasut sukan sahaja untuk anaknya setelah menerima wang Bantuan Sara Hidup (BSH) sebanyak RM300.
  
- 3 Maklumat dibawah berkaitan dengan masalah ekonomi.

*Hanisah menggunakan wang saku daripada ayahnya sebanyak RM10.00 untuk membeli nasi goreng ayam di Restoran Selamat dan tidak membeli tiket menonton filem di panggung wayang.*

- Manakah menunjukkan kos lepas yang ditanggung oleh Hanisah?
- A. Nasi goreng ayam
  - B. Restoran Selamat
  - C. Tiket menonton filem
  - D. Wang saku dari ayahnya RM10
- 
- 4 Manakah yang berikut merupakan andaian dalam analisis keluk kemungkinan pengeluaran (KKP)?
    - I. Tingkat teknologi tetap
    - II. Ekonomi mencapai guna tenaga penuh
    - III. Ekonomi mengeluarkan tiga jenis barang sahaja
    - IV. Sumber ekonomi yang dimiliki adalah pelbagai dan terhad
    - A. I dan II
    - B. I dan IV
    - C. II dan III
    - D. III dan IV

5 Maklumat berikut mengenai sebuah firma.


*"Firma Adib Enterprise mendapat pinjaman bank sebanyak RM300 000 dan membuat keputusan untuk membuka satu lagi kilang kasut baharu dengan menggunakan teknologi canggih dari Jepun."*

Manakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh firma tersebut?

- I. Untuk siapa dikeluarkan
  - II. Apa yang hendak dikeluarkan
  - III. Bagaimana hendak dikeluarkan
  - IV. Berapa yang hendak dikeluarkan
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

6 Rajah 1 menunjukkan keluk permintaan pasaran bagi suatu barang.

Harga(RM)




Rajah 1

Manakah yang benar?

- I Merupakan kuantiti diminta individu terhadap barang dan perkhidmatan pada setiap tingkat harga dalam pasaran
  - II Diperoleh dengan menjumlahkan secara mendatar semua kuantiti diminta setiap individu pada setiap tingkat harga dalam pasaran
  - III Pada harga RM2 jika kuantiti diminta individu A ialah 9 unit, maka kuantiti diminta individu B ialah 13 unit
  - IV Berbentuk landai dan mencerun ke atas dari kiri ke kanan kerana hubungan negatif diantara harga dan kuantiti
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV


- 7 Rajah 2 menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Rajah 2

Manakah yang benar tentang pergerakan titik A ke B?

- A Perubahan harga  $P_0$  kepada  $P_1$  mengakibatkan perubahan penawaran
  - B Peningkatan kuantiti ditawarkan  $Q_0$  kepada  $Q_1$  disebabkan faktor harga barang itu
  - C Merupakan peralihan titik di sepanjang keluk penawaran yang sama
  - D Dikenali sebagai pertambahan penawaran apabila titik A bergerak ke titik B
- 8 Rajah 3 menunjukkan keluk permintaan barang Y.



Rajah 3

Manakah yang benar?

- A Peratus perubahan harga lebih kecil daripada peratus perubahan kuantiti diminta
- B Nilai keanjalan barang Y ialah 0.8
- C Barang Y sukar digantikan dengan barang lain kerana mempunyai kegunaan yang terhad
- D Pengguna kurang responsif terhadap perubahan harga

9 Sesuatu barang itu dikatakan mempunyai penawaran yang tidak anjal kerana

- Pengeluaran dapat ditambah dalam jangka masa panjang
- Penambahan penawaran memerlukan tambahan kos yang sedikit
- Faktor pengeluaran yang digunakan bermobiliti rendah
- Bilangan firma yang sedikit dalam pasaran bagi barang yang sama

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

10 Maklumat di bawah mengenai barang Z

Barang Z mempunyai keanjalan harga permintaan 2.5

Apakah implikasinya kepada pengeluar?

- Menaikkan harga untuk meningkatkan jumlah hasil
- Menanggung beban cukai yang lebih kecil berbanding pengguna
- Menurunkan harga untuk meningkatkan jumlah hasil
- Menikmati subsidi yang lebih besar berbanding pengguna

11 Gambar 1 berkaitan sebuah iklan suatu barang.

**PROMOSI HEBAT**



Harga istimewa:  
**RM28 888**

Gambar 1

Manakah menunjukkan fungsi wang dalam iklan tersebut?

- Alat ukuran nilai
- Alat simpanan nilai
- Alat bayaran tertunda
- Alat perantaraan pertukaran

12 Apakah pembayaran yang boleh dilakukan oleh individu melalui kemudahan Debit Langsung?

- Bil telefon
- Gaji pekerja
- Ansuran kereta
- Premium insuran

13 Maklumat berikut berkaitan dengan pemilihan pekerjaan individu?

**Jawatan : Penyelia Kilang**



- Bayaran lumayan akan ditawarkan kepada mereka yang berjaya dalam temuduga
- Kelulusan diploma atau kelayakan lain yang setara diperlukan
- Berminat boleh hubungi En. Sham (011-11133211)

Manakah merupakan faktor pemilihan pekerjaan En. Firdaus untuk memohon jawatan tersebut?

- I. Upah wang
  - II. Waktu bekerja
  - III. Faedah sampingan
  - IV. Kelayakan akademik
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

14 Persamaan yang berikut merupakan rumus dalam ekonomi.

$$\text{Tabungan} = \text{Pendapatan Boleh Guna} - X$$

Manakah yang benar tentang tujuan X?

- I. Membeli barang tahan lama
  - II. Belanja penggunaan perkhidmatan
  - III. Mengurangkan pembayaran cukai
  - IV. Menampung kekurangan wang semasa
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

15 Jadual 1 menunjukkan kos Firma ABC dalam jangka pendek.

Jumlah Kos	M
Kos Purata	RM135
Kos Marginal	RM70

Jadual 1

Kirakan **M** jika jumlah keluaran ialah 2 unit.

- A RM35
- B RM67.5
- C RM205
- D RM270

16 Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran jangka pendek Firma XYZ.

Firma XYZ telah meningkatkan pengeluaran sebanyak 100 unit setiap bulan dalam tempoh 1 tahun.

Apakah yang akan berlaku?

- I Jumlah kos meningkat
- II Kos purata meningkat, mencapai maksimum dan kemudian menurun
- III Kos tetap meningkat
- IV Kos berubah meningkat dalam jumlah yang sama dengan jumlah kos
  
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17 Maklumat di bawah berkaitan bayaran yang dilakukan oleh Puan Ros pemilik kedai roti dan kek pada bulan April.

Butiran	Kos (RM)
Tepung, mentega dan majerin	550
Lain-lain bahan mentah	385
Upah pekerja	1500
Sewa premis	1000
Elektrik dan Air	320
Upah pengasuh anak	400

Berapakah keuntungan yang diperolehi jika hasil jualan pada bulan tersebut ialah RM7879?

- A RM3725
- B RM3755
- C RM4124
- D RM4155

18 Maklumat di bawah berkaitan dengan produktiviti.

Syarikat Megah Sdn Bhd telah melakukan penambahbaikan untuk meningkatkan produktiviti dengan menambahkan pengkhususan dalam skop kerja sumber manusia selaras dengan penggunaan mesin canggih yang baharu diimport dari Jepun.

Tindakan tersebut berkaitan dengan faktor

- I Tanah
  - II Buruh
  - III Modal
  - IV Usahawan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

19 Gambar 2 berkaitan dengan situasi yang berlaku di kawasan sekitar.



Gambar 2

Manakah yang menerangkan kos sosial daripada gambar di atas?

- A Sampah yang dikitar semula boleh menjana pendapatan
- B Pembebasan bau yang kurang menyenangkan di kawasan sekitar
- C Pemantauan tapak pelupusan sampah haram perlu ditingkatkan
- D Kutipan sampah berjadual perlu ditingkatkan dengan lebih kerap

20 Manakah merupakan barang awam?

- A. Syarikat Sekuriti Jaya Bhd
- B. Klinik Kesihatan Simpang Batu
- C. Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd
- D. Universiti Nottingham cawangan Malaysia

21 Penyataan manakah yang benar mengenai maksud guna tenaga?

- A. Merangkumi semua penduduk yang sedang bekerja
- B. Merangkumi semua individu yang melebihi umur 15 tahun
- C. Merangkumi semua jumlah penduduk dalam sesebuah negara
- D. Merangkumi semua individu yang bekerja antara umur 15 hingga 64 tahun

22 Antara yang berikut, manakah merupakan tindakan kerajaan untuk mengawal eksternaliti negatif?

- I. Memberi subsidi
  - II. Menentukan penempatan firma
  - III. Menghadkan pengeluaran lesen
  - IV. Mengawal harga barang dan perkhidmatan di pasaran
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

23 Maklumat di bawah menunjukkan keadaan sesebuah ekonomi.

*Harga input yang digunakan dalam proses pengeluaran produk karipap frozen meningkat sebanyak 7% menyebabkan harga karipap frozen di pasaran juga meningkat sebanyak 10%.*

Antara yang berikut, jenis inflasi manakah yang berkaitan?

- A. Inflasi musim
- B. Inflasi diimport
- C. Inflasi tolakan kos
- D. Inflasi tarikan permintaan

24 Antara yang berikut, apakah kesan yang akan berlaku jika kadar inflasi meningkat daripada 2% kepada 2.5%?

- I. Peluang pekerjaan menurun
  - II. Kuasa beli masyarakat meningkat
  - III. Pendapatan benar masyarakat menurun
  - IV. Nilai wang yang dipegang oleh isi rumah merosot
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

25 Situasi manakah yang menyebabkan pengangguran kitaran?

- A. Pekerja yang menghadapi kekurangan kemahiran
- B. Pekerja yang hilang pekerjaan semasa kemelesetan ekonomi
- C. Pekerja yang hilang pekerjaan kerana terlalu memilih pekerjaan
- D. Pekerja yang meletak jawatan untuk mengharapkan pekerjaan lain


26 Manakah berikut cukai tak langsung?

- A. Duti setem
- B. Duti eksais
- C. Cukai pintu
- D. Cukai tanah

27 Pilih pasangan yang betul.

Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan Pembangunan
A. Keselamatan B. Perkhidmatan sosial C. Sektor perkhidmatan ekonomi D. Emolumen, pencen dan ganjaran	Bayaran khidmat hutang Biasiswa bantuan kerajaan Bekalan dan perkhidmatan Pentadbiran am

28 Rajah 4 menunjukkan interaksi dan integrasi Negara A dan Negara B.



Manakah yang benar?

- A Globalisasi
- B Syarikat Multinasional
- C Pelaburan Langsung Asing
- D Perdagangan Antarabangsa

29 Maklumat di bawah mengenai sebuah syarikat multinasional.

Nestlé merupakan pengilang terbesar dunia untuk produk makanan dan minuman. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé kini berada di **191 buah negara** di seluruh dunia.

Manakah antara berikut merupakan faktor pendorong syarikat berkenaan membuka cawangan di luar negara?

- I Kekurangan pasaran di negara asal
- II Kekurangan bahan mentah di negara asal
- III Sekatan perdagangan oleh negara asal
- IV Upah buruh rendah di negara asal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Maklumat di bawah mengenai perdagangan antarabangsa.

RAWANG: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyasarkan pengeksportan durian sejuk beku dalam bentuk ulas dan pes ke China sebanyak 223,716 tan metrik dengan nilai eksport sebanyak RM350 juta, tahun ini.

Sumber: Berita Harian Online

Apakah kepentingan eksport barang tersebut kepada rakyat negara Cina.

- A Dapat menikmati barang dengan harga yang lebih murah
  - B Dapat memperoleh barang yang tidak dikeluarkan dalam negara
  - C Dapat menggalakkan pemindahan dan penggunaan teknologi
  - D Dapat meningkatkan pelaburan rakyat Malaysia di Cina
- 31 Manakah merupakan kesan positif blok ekonomi ke atas negara-negara membangun?
- A Perkongsian sumber tenaga dan bahan mentah tempatan dengan negara luar
  - B Mobiliti modal dan tenaga kerja tempatan ke negara luar tanpa sekatan
  - C Persaingan antara barang import berharga murah dengan keluaran tempatan
  - D Peluasan pasaran keluaran tempatan menembusi pasaran negara luar
- 32 Manakah yang benar tentang imbalan pembayaran?
- I Satu rekod sistematik bagi jumlah urusniaga eksport dan import sesebuah negara dengan negara lain pada satu tahun kewangan
  - II Satu rekod sistematik bagi penerimaan dan pembayaran kewangan sesebuah negara dengan negara lain dalam tempoh satu tahun
  - III Pendapatan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara direkod sebagai kredit
  - IV Perbelanjaan pelancong asing yang melancong di Malaysia direkod sebagai debit
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 33 Maklumat di bawah mengenai situasi yang berkaitan dengan akaun semasa.

<b>Jumlah Pekerja Asing Menurun</b> Sinar Harian (Online) : 28/11/2017
KUALA LUMPUR - Jumlah pekerja asing di Malaysia telah menurun, dari tahun 2015 hingga 2017.
Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd Mutallib berkata, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), jumlah pekerja asing pada 2015 adalah 2.1 juta orang.
"Namun, ianya (jumlah pekerja asing) berkurang kepada 1.8 juta orang pada 2016. Kalau kita lihat kepada pas pekerja imigresen, jumlah pekerja asing sehingga September 2017 adalah 1.7 juta orang.

- Apakah implikasi situasi tersebut?
- I Pembayaran pendapatan sekunder meningkat  
 II Pembayaran pendapatan primer menurun  
 III Menyumbang kepada lebihan dalam akaun semasa  
 IV Menyumbang kepada defisit dalam akaun semasa
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 34 Seorang pelancong dari Amerika Syarikat ingin membeli seutas jam tangan yang berharga RM1000 di sebuah pasaraya di Pulau Langkawi. Berapakah harga jam tersebut dalam Dolar Amerika Syarikat sekiranya kadar pertukaran 1USD adalah seperti jadual di bawah.

Harga jualan (RM)	Harga belian (RM)
4.178	4.065

- A USD4178  
 B USD4065  
 C USD239.35  
 D USD246.00

- 35 Pilih pasangan yang betul.

I	Kenaikan kadar pertukaran asing	Harga eksport mahal	Jumlah nilai eksport menurun
II	Penurunan kadar pertukaran asing	Harga import murah	Jumlah nilai import meningkat

III	Kenaikan kadar pertukaran asing	Harga eksport murah	Jumlah nilai eksport meningkat
IV	Penurunan kadar pertukaran asing	Harga import mahal	Jumlah nilai import menurun

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**Soalan 36 hingga soalan 40** berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual dibawah

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36 I Buruh mempunyai mobiliti pekerjaan dan mobiliti geografi yang tinggi dalam ekonomi.  
II Buruh mahir merupakan tenaga buruh yang berpendidikan tinggi atau memiliki kemahiran profesional tertentu.
- 37 I Kaedah pembayaran secara kredit dapat menikmati barang walaupun harga penuh belum dijelaskan.  
II Kaedah pembayaran secara kredit tidak menggalakkan pembeli merancang perbelanjaan sebelum membeli.
- 38 I Dasar kerajaan mengenakan cukai menyebabkan permintaan menurun  
II Kesannya keluk permintaan beralih ke kiri
- 39 I Guna tenaga penuh akan tercapai apabila kadar pengangguran melebihi 4%.  
II Pengangguran dalam ekonomi menunjukkan wujudnya lebihan penawaran buruh.
- 40 I Kuota ialah larangan kemasukan barang-barang tertentu ke dalam negara.  
II Kuota bertujuan untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan negara dan rakyat terjamin.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**